

Kerajaan komited bangun ekonomi negara

KUALA LUMPUR: Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di tiga program ekonomi berasingan kelmarin mencerminkan komitmen dan kesungguhan kerajaan terhadap usaha pembangunan ekonomi negara yang berhadapan keadaan ekonomi dunia yang mencabar.

Beliau bermula dengan merasmikan bangunan baharu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), kementerian yang bertanggungjawab terhadap perkembangan sektor ekonomi sebelum bertemu dengan usahawan belia Bumiputera yang bertanggungjawab meneraju perniagaan dan perdagangan.

Najib turut melawat Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa (MITEC) yang dibangunkan oleh Naza TTDI Sdn Bhd, yang mencerminkan perlunya kerjasama yang baik antara pihak kerajaan dan swasta dalam usaha menjana pertumbuhan, demikian menurut satu kenyataan daripada



NAJIB (tengah) melihat pelan lokasi Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC) yang kini dalam pembinaan ketika mengadakan lawatan di Jalan Duta Kuala Lumpur kelmarin. — Gambar Bernama

Jabatan Perdana Menteri.

Program pertama adalah perasmian bangunan baharu MITI yang terletak di Jalan Sultan Ahmad Haji Ahmad Shah, di sini.

Bangunan setinggi 31 tingkat ini merupakan satu testimoni usaha kerajaan dalam memajukan lagi sektor perdagangan dan perindustrian negara.

Dalam ucapannya, Najib menekankan kepentingan ke-

pada agensi kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk memantau kualiti pelaburan agar kekal relevan dengan kedudukan ekonomi semasa.

Beliau juga menggesa meneruskan usaha yang berterusan untuk meningkatkan jumlah perdagangan eksport negara. —Bernama